

PENDAKWA RAYA v MOHD ZAMRI BIN SAIDIN

CaseAnalysis

| [2021] MLJU 746

Pendakwa Raya Iwn Mohd Zamri bin Saidin [2021] MLJU 746

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

AHMAD SHAHRIR MOHD SALLEH H

PERBICARAAN JENAYAH NO WA - 45A - 34 - 06 TAHUN 2018

10 May 2021

Fatin Hanum bt Abdul Hadi (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwa raya.

*Luqman bin Mazlan Rosal (Azimin bin Ahmad dan Muhammad Amiraizat bin Abdul Rani
bersamanya) (Shamsuddin & Co) bagi pihak tertuduh.*

Ahmad Shahrir Mohd Salleh H:

PENGHAKIMANPengenalan

[1]Tertuduh menghadapi 2 pertuduhan, masing-masing bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Di akhir kes pendakwaan,

-

- (a) bagi pertuduhan pertama, Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie*. Tertuduh telah diperintah untuk membela diri,
- (b) bagi pertuduhan kedua, Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie*. Tertuduh telah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.

Pertuduhan

[2] Pertuduhan-pertuduhan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

Pertuduhan pertama

"Bahawa kamu pada 08.03.2018 jam lebih kurang 3:45 petang, di tepi jalan hadapan rumah No. 22, Jalan Puan, Kampung Baru, di dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, didapati telah mengedar dadah berbahaya, iaitu 488 gram Cannabis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama."

Pertuduhan kedua

"Bahawa kamu pada 08.03.2018 jam lebih kurang 4:20 petang, di kaki lima luar bersebelahan pintu utama sebuah rumah tidak bernombor di dalam kawasan alamat No. 71, Jalan Hamzah, Kampung Baru, di dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, didapati telah mengedar dadah berbahaya, iaitu 37,883 gram Cannabis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama."

Kes pendakwaan

[3] Pada 08.03.2018, ASP Hisam bin Abu (SP2) dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur telah mengetuai sepasukan 10 orang anggota polis bagi tujuan menjalankan operasi mengekang penyalahgunaan dan pengedaran dadah. Operasi ini dikenali sebagai "Ops Tapis". Selesai taklimat, SP2 dan pasukannya bergerak ke kawasan Kampung Baru, Kuala Lumpur dan membuat intipan.

[4] Pada jam lebih kurang 3:45 petang, kelihatan sebuah motorsikal yang ditunggangi oleh tertuduh berhenti di hadapan sebuah rumah. Motorsikal itu ialah sebuah motorsikal berwarna hitam jenis Yamaha LC135 dengan nombor pendaftaran W 738 V. Rumah itu ialah No. 22, Jalan Puan, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

[5] SP2 bersama pasukannya terus bertindak menahan tertuduh dan melakukan pemeriksaan setelah memperkenalkan diri dan pasukannya. Setelah tubuh badan tertuduh diperiksa, tiada apa-apa barang menyalahi undang-undang yang dijumpai. Apabila motorsikal Yamaha itu diperiksa, SP2 menjumpai satu plastik hitam yang terletak dalam raga motorsikal. Dalam plastik hitam itu, SP2 menjumpai 30 plastik kecil lutsinar yang setiap satunya mengandungi bahan

tumbuhan mampat kering yang disyakki ganja. SP2 juga merampas kunci motorsikal Yamaha (Eksibit P34B) tersebut. Pada rangkai kunci motorsikal Yamaha itu, terdapat juga 2 batang lagi anak kunci.

[6] Lanjutan daripada soal siasat, tertuduh telah memandu arah SP2 dan pasukannya ke sebuah rumah tidak bernombor yang terletak dalam kawasan rumah yang beralamat di No. 71, Jalan Hamzah, Kampung Baru, Kuala Lumpur. SP2 dan pasukannya sampai ke kawasan rumah tersebut pada jam lebih kurang 4:20 petang.

[7] Di rumah tidak bernombor itu, kelihatan sebuah kabinet besi yang terletak di luar rumah berhampiran pintu. Kabinet besi itu mempunyai 4 laci. Salah satu anak kunci (Eksibit P34A) yang dirampas dari rangkai kunci motorsikal Yamaha tadi boleh digunakan untuk membuka kabinet besi tersebut. Dalam kabinet besi itu -

- (a) dalam laci pertama terdapat 5 beg plastik kosong berwarna hitam dan 2 beg plastik kosong berwarna putih,
- (b) dalam laci kedua terdapat 3 beg plastik kosong berwarna oren,
- (c) dalam laci ketiga terdapat -
 - (i) 1 beg plastik berwarna hitam. Dalam beg plastik hitam ini, terdapat 25 plastik lutsinar yang setiap satunya mengandungi ketulan mampat daun- daun kering yang disyakki ganja,
 - (ii) 14 ketulan mampat daun-daun kering disyakki ganja yang setiap satunya dibaluti plastik lutsinar, dan
- (d) dalam laci keempat terdapat 24 ketulan mampat daun- daun kering disyakki ganja yang setiap satunya dibaluti plastik lutsinar.

[8] Setelah kabinet besi di luar rumah tidak bernombor itu selesai diperiksa, SP2 dan pasukannya masuk ke dalam rumah tidak bernombor itu dan membuat pemeriksaan. Pintu rumah tidak bernombor itu dibuka dengan menggunakan salah satu anak kunci (Eksibit P34C) yang terdapat pada rangkai kunci motorsikal tersebut. Tiada apa-apa barang menyalahi undang- undang yang ditemui dalam rumah tidak bernombor itu. Walau bagaimana pun, SP2

telah mengambil sehelai tuala dan sehelai baju T pada ampaiian yang terdapat dalam rumah tidak bernombor tersebut.

[9]Ahli kimia, Wan Rahimah binti Wan Ahmad (SP4), telah menganalisis ketulan mampat daun-daun kering disyakki ganja yang dirampas oleh SP2 dari raga motorsikal Yamaha dan juga dalam kabinet besi di luar rumah tidak bernombor tersebut. SP4 mengesahkan bahawa ketulan mampat daun-daun kering disyakki ganja itu adalah Cannabis seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. SP4 mengesahkan berat Cannabis itu ialah seperti berikut:

- (a) bagi Cannabis yang dijumpai dalam raga motorsikal Yamaha tersebut, jumlah beratnya ialah 488 gram,
- (b) bagi Cannabis yang dijumpai dalam kabinet besi di luar rumah tidak bernombor itu, jumlah beratnya ialah 37,883 gram.

[10]SP4 juga telah menyediakan laporan kimia bagi mendokumenkan hasil analisisnya, iaitu -

- (a) laporan kimia bernombor makmal: 18 - FR - B - 05935 (Eksibit P30) bagi Cannabis yang dijumpai dalam raga motorsikal, dan
- (b) laporan kimia bernombor makmal: 18 - FR - B - 05936 (Eksibit P31) bagi Cannabis yang dijumpai dalam kabinet besi di luar rumah tidak bernombor.

[11]Sehelai tuala dan sehelai baju T pada ampaiian yang terdapat dalam rumah tidak bernombor itu yang diambil oleh SP2 telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia bagi tujuan mengesan profil DNA. Berdasarkan laporan analisis DNA bernombor makmal: 18 - FR - B - 05952 (Eksibit P40) yang dikeluarkan oleh ahli kimia, Jayasilan a/l Sinnathurai (SP5), hasil analisisnya mendapati bahawa profil DNA yang diperolehi daripada tuala dan baju tersebut berpadanan dengan profil DNA tertuduh.

[12]Motorsikal Yamaha yang ditunggangi tertuduh semasa tarikh kejadian didaftarkan atas nama tertuduh. Rekod maklumat terperinci kenderaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (Eksibit P63) mengesahkan fakta ini.

[13]Pegawai penyiasat, Inspektor Muhamad Syamil bin Ahmad Nasir (SP9), dalam keterangannya menyatakan bahawa dalam siasatannya, beliau telah merakam percakapan

seorang lelaki bernama Mazli bin Mashud. Menurut SP9, Mazli adalah orang yang menerima bayaran sewa bagi rumah dalam kawasan alamat No. 71, Jalan Hamzah, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Walau bagaimana pun, Mazli telah meninggal dunia pada 27.04.2018 (Eksibit P55).

Ringkasan hujah

Hujah pendakwaan

[14]Hujah TPR yang terpelajar boleh diringkaskan seperti berikut:

Pertuduhan pertama

- (a) keterangan ahli kimia (SP4) membuktikan bahawa ketulan mampat daun-daun kering disyakki ganja yang dirampas oleh SP2 dari raga motorsikal Yamaha dan juga dalam kabinet besi di luar rumah tidak bernombor tersebut adalah Cannabis seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952,
- (b) motorsikal Yamaha itu dimiliki oleh tertuduh,
- (c) Cannabis yang dijumpai dalam raga motorsikal Yamaha tersebut berada dalam kawalan eksklusif tertuduh dan tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan fizikal terhadapnya,
- (d) anggapan milikan dan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai terhadap tertuduh,
- (e) ingredien mengedar dibuktikan dengan bergantung kepada tafsiran seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, iaitu bagi perbuatan "menghantar",

Pertuduhan kedua

- (f) keterangan ahli kimia (SP4) membuktikan bahawa ketulan mampat daun-daun kering disyakki ganja dalam kabinet besi di luar rumah tidak bernombor tersebut adalah Cannabis seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952,
- (g) tertuduh adalah penyewa rumah tidak bernombor dalam kawasan alamat No. 71, Jalan Hamzah tersebut,
- (h) tertuduh mempunyai milikan eksklusif kabinet besi yang ditemui di luar rumah tidak bernombor tersebut serta mempunyai jagaan dan kawalan dadah berbahaya yang ditemui dalam kabinet besi itu berdasarkan kunci kabinet besi yang dirampas daripada tertuduh,
- (i) anggapan milikan dan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai terhadap tertuduh,
- (j) ingredien mengedar dibuktikan berdasarkan kuantiti dadah berbahaya yang banyak.

Hujah pembelaan

[15]Hujah pembelaan boleh diringkaskan seperti berikut:

Pertuduhan pertama

- (a) wujud percanggahan keterangan di antara SP2 (ketua pasukan serbuan) dan SP7 (anggota serbuan) mengenai adanya serbuan terdahulu di rumah No. 22 Jalan Puan, Kampung Baru, Kuala Lumpur dan penangkapan Osman yang dikatakan menghuni rumah itu sebelum tertuduh ditahan,
- (b) plastik hitam yang mengandungi dadah berbahaya bagi pertuduhan pertama itu tidak dijumpai dalam raga motorsikal Yamaha tersebut tetapi ditemui di rumah No. 22 tersebut dan diletakkan ke dalam raga motorsikal. Kejadian ini dilihat oleh Osman yang merupakan saksi mata,

Pertuduhan kedua

- (c) kabinet besi itu yang terletak di luar rumah tidak bernombor tersebut tidak berada dalam kawalan eksklusif tertuduh,
- (d) bukan tertuduh seorang yang mempunyai akses terhadap kawasan tempat kejadian kerana pintu pagar utama sentiasa berada dalam keadaan terbuka,
- (e) tiada keterangan yang menunjukkan kabinet besi itu berkunci semasa serbuan dan pemeriksaan dilakukan.

Penilaian keterangan dan dapatan di akhir kes pendakwaan

Prinsip kes prima facie

[16]Tugas Mahkamah di akhir kes pendakwaan ialah memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Ini ialah kedudukan undang-undang seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 180(1) Kanun Prosedur Jenayah.

[17]Dalam memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh, Mahkamah bertanggungjawab mempertimbangkan keterangan kes pendakwaan dengan memberikannya satu penilaian yang maksima. Seterusnya, Mahkamah perlu mengutarakan persoalan muktamad berikut: Jika Mahkamah membuat keputusan untuk memerintahkan tertuduh membela diri dan tertuduh memilih untuk berdiam diri, adakah Mahkamah bersedia untuk mensabitkan tertuduh dengan kesalahan berdasarkan keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan oleh pendakwaan. Jika jawapan bagi persoalan ini adalah "Ya", maka tertuduh mestilah diperintahkan untuk membela diri. Jika jawapan bagi persoalan ini adalah "Tidak", maka kes *prima facie* adalah tidak berjaya dibuktikan

dan tertuduh hendaklah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri. (Rujuk kes- kes: *Mat v. Public Prosecutor* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301; [2004] 2 MLRA 547; [2005] 1 AMR 321 FC).

[18]Ini melibatkan penilaian kredibiliti saksi-saksi pendakwaan dan penggunaan inferen-inferen yang boleh disokong oleh keterangan kes pendakwaan. Dalam keadaan ini, jika keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan menyokong tentang wujudnya dua atau lebih inferen dan salah satunya ialah inferen yang memihak kepada tertuduh, maka Mahkamah mempunyai tanggungjawab untuk menggunakan inferen yang memihak kepada tertuduh. (Rujuk kes: *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590; [2005] 6 AMR 203 FC).

Ingredien pertuduhan

[19]Ingredien-ingredien bagi satu pertuduhan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ialah seperti berikut:

- (a) hal perkara pertuduhan ialah dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952;
- (b) tertuduh memiliki dadah berbahaya tersebut dan mempunyai pengetahuan mengenai milikan itu; dan
- (c) tertuduh mengedar dadah berbahaya tersebut.

Kebolehpercayaan saksi-saksi

[20]Dalam menilai keterangan seseorang saksi, pendekatan yang sepatutnya diberikan hendaklah berupa suatu pendekatan yang berupaya memastikan keterangan saksi itu mempunyai ciri- ciri kebenaran apabila diteliti secara keseluruhannya. Dalam kes *Ho Sek Kong v. Public Prosecutor* [2011] 6 CLJ 522; [2011] 5 MLJ 359; [2010] 4 MLRA 22; [2010] AMEJ 0743 CA, Yang Arif Ahmad Maarop HMR membuat pengamatan berikut:

"Once that impression is formed, it is undoubtedly necessary for the court to scrutinise the evidence more particularly keeping in view the deficiencies, drawbacks and infirmities pointed out in the evidence as a whole and evaluate them to find out whether it is against the general tenor of the evidence given by the witness and whether the earlier evaluation of the evidence is shaken as to render it unworthy of belief (see: *State of UP v MK Anthony* AIR 1985 SC 48). The Privy Council

has stated that the real tests for either accepting or rejecting the evidence of a witness are how consistent the story is with itself, how it stands the test of cross-examination, and how far it fits in with the rest of the evidence and the circumstances of the case (see: *Bhojraj v Sita Ram* AIR 1936 PC 60)."

(Rujuk juga kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2015] 2 CLJ 145 FC; [2015] 1 MLRA 609).

[21] Dalam menilai kebolehpercayaan saksi-saksi pendakwaan, Mahkamah ini telah mempertimbangkan keterangan kes pendakwaan secara keseluruhan dan kebarangkalian kes. Mahkamah mendapati fakta-fakta material yang disandarkan bagi tujuan membuktikan setiap ingredien kesalahan serta fakta-fakta sampingan lain yang relevan menunjukkan kejadian yang berlaku, seperti yang dirungkaikan melalui saksi-saksi pendakwaan, adalah sejajar dengan kebarangkalian kes. Tiada juga sebarang asas munasabah untuk mengandaikan saksi-saksi pendakwaan telah membunga- membungai keterangan dan naratif kes pendakwaan. Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati saksi-saksi pendakwaan adalah saksi-saksi yang boleh dipercayai.

Jenis dan berat dadah berbahaya bagi kedua-dua pertuduhan

[22] Jenis dan berat dadah berbahaya yang menjadi subjek setiap pertuduhan tidak dipertikaikan oleh pembelaan. Saya juga mendapati keterangan mengenai jenis dan berat dadah berbahaya tersebut yang diberi oleh ahli kimia, iaitu SP4 adalah keterangan yang boleh dipercayai.

[23] Dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] CLJ Rep 221 SC; [1987] 1 MLJ 492; [1986] 1 MLRA 292, Mahkamah

Agung ketika itu memutuskan, antara lainnya, bahawa keterangan seseorang pakar seperti ahli kimia adalah wajar diterima pada nilai zahirnya melainkan keterangannya jelas tidak boleh dipercayai atau jika pembelaan mengemukakan keterangan sangkalan.

Dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Agung, Yang Arif Mohd Azmi HMA menjelaskan selanjutnya di muka surat 226 (CLJ) seperti berikut:

"As a rule, a chemist in drug cases does not give any opinion as to ownership, control or possession of the substance sent for analysis, but he merely reports the result of the chemical

examination of the substance. The only reason for sending the exhibits to the chemist is to determine its identity and to confirm what other witnesses have suspected. This type of opinion must in our view be distinguished from opinions which are of very technical or complicated nature, such as those given by handwriting, trade mark, copyright or ballistic experts. Without being derogatory it is common knowledge that even animals, such as snuff dogs when sufficiently trained, are able to detect certain dangerous drugs. *We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance, the Court is entitled to accept the opinion of the expert of its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step.*"

[Penegasan ditambah]

[24]Mahkamah ini mendapati bahawa bagi pertuduhan pertama, pendakwaan telah berjaya membuktikan dadah berbahaya yang menjadi subjek pertuduhan ialah Cannabis seberat 488 gram dan bagi pertuduhan kedua, dadah berbahaya yang menjadi subjek pertuduhan ialah Cannabis seberat 37,883 gram. Cannabis adalah dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pertuduhan pertamaIngredien milikan

[25]TPR yang terpelajar berhujah bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan ingredien milikan dengan menggunakan anggapan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam membentur hujahnya, TPR yang terpelajar memperdebatkan bahawa dadah berbahaya dalam raga motorsikal Yamaha itu berada dalam kawalan tersendiri tertuduh dan bukan individu lain. Oleh yang demikian, kawalan atau jagaan secara fizikal dadah berbahaya dalam raga motorsikal tersebut berada pada tertuduh. Menurut TPR yang terpelajar, keadaan ini menyebabkan anggapan di bawah seksyen 37(d) itu terpakai.

[26]Ingredien milikan melibatkan elemen kawalan atau jagaan dan pengetahuan terhadap barang yang dikatakan berada dalam milikan. Seseorang itu dikatakan mempunyai milikan sesuatu barang jika dia berada dalam suatu keadaan yang membolehkan dia berurusan dengan barang itu atau jika dia berada dalam suatu keadaan yang boleh diandaikan bahawa dia

mempunyai niat untuk berurusan dengan barang itu jika dia memilih untuk berbuat demikian. (Rujuk kes-kes: *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; [1956] 1 MLJ 237; [1956] 1 MLRH 44, *PP v. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209 FC; [2009] 2 MLJ 194; [2008] 3 MLRA 116; [2009] 2 AMR 757).

[27]Keterangan SP2 adalah jelas. Beliau bersama pasukan serbuannya melihat tertuduh menunggang motorsikal Yamaha itu pada jam lebih kurang 3:45 petang. Ketika itu, motorsikal Yamaha itu berhenti di tepi jalan berhadapan dengan rumah No. 22, Jalan Puan, Kampung Baru, Kuala Lumpur. SP2 dan pasukannya telah tahan tertuduh dan membuat pemeriksaan. Semasa motorsikal Yamaha itu diperiksa, dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama telah ditemui dalam raga motorsikal.

[28]Mahkamah mendapati cabaran yang diketengahkan oleh pembelaan dalam pemeriksaan balas mengenai isu ini tidak berupaya menggugat keterangan saksi pendakwaan. Dakwaan pihak pembelaan semasa pemeriksaan balas bahawa dadah berbahaya tersebut telah diletakkan ke dalam raga motorsikal Yamaha itu semasa tertuduh sedang berjalan ke arah rumah No. 22 yang dihuni oleh seorang yang bernama Osman adalah suatu dakwaan yang tidak disokong dengan sebarang asas munasabah yang boleh dipercayai.

[29]Mahkamah juga mendapati kononnya kehadiran Osman yang dikatakan menghuni rumah No. 22 tersebut dan merupakan seorang saksi mata semasa tertuduh ditangkap bukanlah suatu keterangan yang dibuktikan. Dalam apa keadaan sekali pun, Mahkamah berpandangan ianya tidak menjadi sebahagian daripada keterangan material yang diselindung oleh pendakwaan kerana naratif kes pendakwaan menunjukkan dadah berbahaya tersebut ditemui dalam raga motorsikal Yamaha tersebut dan bukan diletakkan di situ. Mahkamah dengan ini tidak cenderung untuk menggunakan inferen menentang di bawah seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pendakwaan.

[30]Tidak terdapat keterangan yang mencadangkan wujudnya sebarang perasaan tidak puas hati di antara pasukan SP2 dan tertuduh. Tambahan pula adalah sukar untuk diterima secara munasabah untuk diandaikan perbuatan yang boleh mengundang hukuman mati itu dibuat dengan sewenang-wenangnya di kawasan terbuka. Adalah juga diamati bahawa cadangan atau dakwaan pihak pembelaan dalam pemeriksaan balas bukanlah suatu keterangan dan tidak

membuktikan apa-apa melainkan disahkan oleh saksi yang diperiksa balas atau dibuktikan sendiri oleh pihak pembelaan semasa membela diri, jika diarah membela diri. (Rujuk kes: *Ali Hosseinzadeh Basher v. PP* [2015] 1 CLJ 918 CA; [2015] MLJU 2069; [2015] 2 MLRA 643; [2015] AMEJ 45).

[31]Tanpa sebarang bentuk keterangan yang meyakinkan, Mahkamah ini berhak membuat anggapan bahawa pihak Polis Diraja Malaysia yang menjalankan tugas membanteras najis dadah dan anasir-anasir sekutunya hanya melaksanakan kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka tanpa sebarang niat buruk atau aniaya. Tiada juga sebarang fakta yang menunjukkan SP2 adalah seorang saksi yang tidak boleh dipercayai. (Rujuk kes: *PP v. Mohamed Ali* [1962] 1 LNS 129; [1962] MLJ 257; [1962] 1 MLRH 79, *Wan Amirul Mubin Wan Kamaruddin v. PP* [2017] 1 LNS 1478 CA; [2017] MLJU 1253; [2017] MLRAU 351).

[32]Dalam kes *Ramis a/l Muniandy v. Public Prosecutor* [2001] 2 SLR (R) 705 CA, tertuduh yang sedang menunggang motorsikal Honda Cub bernombor pendaftaran JFB 3451 telah ditahan oleh pegawai dan anggota dari Biro Narkotik Pusat, Singapura di hadapan Blok 7, bangunan Marsiling Industrial Estate. Apabila motorsikal tertuduh diperiksa, satu beg jenama "Puma" telah dijumpai di dalam raga hadapan motorsikal itu. Dalam beg "Puma" itu, terdapat beg plastik putih "Fuji Grand" yang mengandungi 2 ketulan mampat tumbuhan-tumbuhan kering berwarna kehijauan yang disyakki Cannabis dan campuran Cannabis. Tertuduh telah dituduh di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah dengan pertuduhan memiliki dadah bagi tujuan mengedar.

[33]Dalam menolak rayuan tertuduh dan mengesahkan sabitan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan Singapura dalam membuat kesimpulan bahawa tertuduh mempunyai milikan fizikal beg "Puma" dan dadah berbahaya di dalamnya, membuat pengamatan berikut di muka surat 712:

"However, the incontrovertible facts were that the drugs were found in the "Puma" bag which was found on the motorcycle, which Ramis had ridden on. The vicinity was quiet and deserted on the morning of the offence. The CNB officers testified that there were no vehicles parked in the bus and motorcycle parking lots in the area. Afandy and Rahman did not spot any suspicious characters when they patrolled the vicinity of the temple.

.....
.....

[26]We took the view that this whole matrix of facts led to the irresistible conclusion that Ramis had the bag of drugs in his motorcycle carrier basket when he arrived in the vicinity and parked his motorcycle at the side of Block 7.",

dan seterusnya di muka surat 713:

"27. It was therefore our conclusion that the drugs were already on his motorcycle when he arrived in the vicinity of Marsiling Rise. We did not accept his claim that they were placed in his motorcycle carrier basket by someone else when he was standing in front of Block 7. As such, we had no doubt that he was in physical control of the "Puma" bag and the drugs contained in it."

[34]Seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 ialah peruntukan mengenai anggapan boleh dipatahkan, iaitu anggapan milikan dadah berbahaya dan anggapan pengetahuan tentang sifat dadah berbahaya yang berada dalam milikan hingga dibuktikan sebaliknya. Anggapan ini terpakai apabila seseorang didapati dalam jagaannya atau dalam kawalannya apa-apa jua yang mengandungi dadah berbahaya.

Seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan seperti berikut:

"Presumptions

37. In all proceedings under this Act or any regulation made thereunder -

(d) any person who is found to have had in his custody or under his control anything whatsoever containing any dangerous drug shall, until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug;"

[35]Dalam kes *Mamasobri Useng v. PP* [2010] 8 CLJ 949 CA, Mahkamah Rayuan membuat pengamatan berikut mengenai pemakaian anggapan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 dalam kes-kes yang melibatkan dadah berbahaya yang dijumpai dalam kenderaan:

"It has been held in by the Federal Court in the case of *Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Anor v. PP* [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340 and more clearly in the case of *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 that the statutory presumption under s. 37(d) of the Act did not arise as the vehicle in which the drugs was carried did not *ipso facto* fall within the meaning of the words "anything whatsoever containing any dangerous drug."

[36]Walau pun pihak pendakwaan menghujahkan bahawa elemen milikan telah dibuktikan dengan menggunakan anggapan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952,

Mahkamah mendapati keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan menunjukkan milikan oleh tertuduh terhadap dadah berbahaya yang menjadi subjek pertuduhan adalah milikan fizikal sebenar ("*actual physical possession*"). Dapatan ini berasaskan fakta bahawa motorsikal Yamaha yang ditunggangi tertuduh tidak boleh dikategorikan sebagai 'apa-apa jua yang mengandungi' ("*anything whatsoever containing*") seperti yang dimaksudkan oleh seksyen 37(d) tersebut. Dalam membuat dapatan ini, Mahkamah dipandu oleh keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Mamasobri Useng* dan juga keputusan berpengaruh dalam kes *Ramis a/l Muniandy*.

[37]Oleh yang demikian, bagi pertuduhan pertama untuk kesalahan mengedar 488 gram Cannabis, saya mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai milikan dadah berbahaya tersebut, iaitu milikan sebenar secara fizikal.

Elemen pengetahuan

[38]Persoalan mengenai pengetahuan sebagai satu elemen mental adalah bergantung kepada fakta sesuatu kes. Ianya sukar dibuktikan melalui keterangan langsung dan biasanya ditunjukkan secara inferen yang dibuat berdasarkan fakta dan keadaan tertentu kes. Dalam kes *Simon Savarimuthu Thevarajah v. PP* [2020] 5 CLJ 105; [2019] 1 LNS 987 CA; [2019] MLJU 702; [2019] MLRAU 259; [2019] AMEJ 0767, Mahkamah Rayuan membuat pengamatan berikut mengenai elemen pengetahuan bagi melengkapkan pembuktian ingredien milikan:

"It is trite that proof of knowledge is very often a matter of inference. The material from which the inference of knowledge can be drawn varies from case to case. It is sufficient for the prosecution to prove facts from which it can be properly inferred that an accused person had the necessary knowledge. *The court is not concerned with the knowledge of a reasonable man but is concerned with reasonable inferences to be drawn from a concrete situation as disclosed in the evidence as it affects a particular person whose knowledge is in issue - see Public Prosecutor v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649; [2000] 6 MLJ 705; *Parlan bin Dadeh v. Public Prosecutor (supra)*".

[Penegasan ditambah]

[39]Cannabis seberat 488 gram itu dijumpai dalam raga motorsikal Yamaha yang ditunggangi oleh tertuduh dan hanya tertuduh seorang yang menunggang motorsikal itu tanpa pembonceng. Mahkamah juga mendapati tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai milikan dadah berbahaya itu berdasarkan fakta bahawa dadah berbahaya yang dibungkus dalam plastik hitam itu merupakan satu-satunya barang yang berada dalam raga motorsikal yang ditunggangi tertuduh. Tertuduh ditahan selepas dia menunggang motorsikal dan bukan ketika dia baru

sahaja bercadang untuk menunggangnya. Sudah pasti ianya berada dalam pandangan tertuduh ketika dia menunggang motorsikal itu. Ini adalah inferen munasabah yang dirumuskan berpandukan keterangan kes pendakwaan.

Ingredien mengedar

[40] Mengenai elemen mengedar, Mahkamah mendapati berat Cannabis yang dijumpai dalam milikan tertuduh adalah melebihi jumlah berat minima statutori di bawah seksyen 37 (da)(vi) ADB 1952. Oleh yang demikian, anggapan mengedar adalah terpakai terhadap tertuduh.

Kesimpulan pertuduhan pertama

[41] Kesimpulannya, bagi pertuduhan pertama, Mahkamah mendapati pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Oleh yang demikian, bagi pertuduhan pertama, tertuduh dengan ini diperintah untuk membela diri.

Pertuduhan kedua

[42] Terdapat dua isu awal yang perlu dihuraikan terlebih dahulu. Pertama, mengenai salinan fotostat dokumen hakmilik (ID60) dan kedua, mengenai percakapan arwah Mazli bin Mashud (Eksibit P62) yang dirakam menurut peruntukan seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah.

Kebolehterimaan ID60

[43] Dalam membentangkan kes pendakwaan, TPR yang terpelajar telah, melalui SP9, mengemukakan salinan dokumen hakmilik bagi tanah yang dipegang di bawah No. H.S.(D) 79646, Bandar Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Ianya bertujuan menunjukkan rekod ketuanpunyaan rumah tidak bernombor yang terletak dalam kawasan alamat No. 71, Jalan Hamzah, Kampung Baru, Kuala Lumpur yang dinyatakan dalam pertuduhan kedua. Menurut SP9, terdapat ramai penama sebagai pemilik. Salinan dokumen hakmilik ini ialah salinan fotostat dan ditanda sebagai dokumen pengenalan ID60.

[44] Prinsip undang-undang keterangan mengenai kandungan dokumen adalah jelas. Seksyen 61 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa dalam membuktikan kandungan sesuatu dokumen, ianya boleh dilakukan dengan mengemukakan keterangan primer atau keterangan sekunder.

[45] Dalam kes ini, keterangan primer bermaksud dokumen hakmilik asal itu sendiri dan keterangan sekunder termasuklah keterangan yang disenaraikan di bawah perenggan (a) hingga

(e) dalam seksyen 63 Akta Keterangan 1950. Keterangan sekunder pula hanya boleh diterima sebagai keterangan jika syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen 65(1) Akta Keterangan 1950 dipatuhi. Beban pembuktian pula adalah terletak pada pihak pembelaan. (Rujuk kes: *Popular Industries Ltd v. The Eastern Garment Manufacturing Co. Sdn Bhd* [1990] 2 CLJ Rep 635; [1989] 3 MLJ 360; [1989] 2 MLRH 705).

[46] TPR yang terpelajar mengakui bahawa ID60 ialah salinan fotostat. Walau bagaimana pun, TPR yang terpelajar tidak mengemukakan sebarang keterangan bagi membolehkan ID60 diterima sebagai satu keterangan sekunder. Oleh yang demikian, Mahkamah tidak membenarkan ianya diterima masuk sebagai keterangan kerana ianya tidak mematuhi prinsip undang-undang keterangan.

Rakaman percakapan arwah Mazli bin Mashud (Eksibit P62)

[47] SP9 dalam keterangannya menyatakan bahawa dalam menjalankan siasatannya, beliau telah merakam percakapan arwah Mazli bin Mashud menurut seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah. Walau bagaimana pun, arwah Mazli bin Mashud telah meninggal dunia pada 27.04.2018 dan sijil kematian telah dikemukakan sebagai Eksibit P55.

[48] Percakapan di bawah seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah hanya boleh diterima masuk sebagai keterangan sekiranya syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 dipenuhi. (Rujuk kes: *SP Rajnath K Saudrapandian & Satu Lagi Iwn. PP* [2017] 1 LNS 1223 CA; [2017] MLJU 1237; [2017] MLRAU 343).

Seksyen 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

"Hal yang dalamnya pernyataan mengenai fakta berkaitan oleh orang yang sudah mati atau yang tidak dapat ditemui, dsb., adalah berkaitan

32. (1) Pernyataan, bertulis atau lisan, mengenai fakta berkaitan yang dibuat oleh seseorang yang sudah mati atau yang

tidak dapat ditemui, atau yang sudah menjadi tidak berupaya untuk memberikan keterangan, atau yang kehadirannya tidak dapat didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat mahkamah tidak munasabah dalam hal keadaan kes itu, dengan sendirinya fakta berkaitan dalam hal yang berikut:

(i) apabila pernyataan itu dibuat dalam perjalanan, atau bagi maksud, suatu penyasatan atau siasatan mengenai suatu kesalahan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang- undang bertulis; dan".

[49] Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan keterangan yang menunjukkan bahawa P62 ialah percakapan arwah Mazli bin Mashud yang telah meninggal dunia pada 27.04.2018. Sijil kematian telah dikemukakan sebagai Eksibit P55 dan percakapannya telah dirakam semasa SP9 melakukan siasatan kes ini.

[50] Walau pun Mahkamah menerima masuk P62 sebagai keterangan, ianya tidak bermaksud pihak pendakwaan telah sempurna dalam melaksanakan tujuannya untuk membuktikan kononnya rumah tidak bernombor yang terletak dalam kawasan alamat No. 71, Jalan Hamzah, Kampung Baru, Kuala Lumpur itu adalah kepunyaan arwah Mazli bin Mashud. Mahkamah mendapati kandungan P62 mengenai hakmilik rumah tidak bernombor tersebut tidak boleh diberi pertimbangan tanpa sebarang keterangan lain untuk membuktikan is ketuanpunyaan. Ia juga tidak dapat diuji dalam pemeriksaan balas dan ini menyebabkan nilai pembuktiannya menjadi kecil berbanding dengan keterangan yang telah melalui pemeriksaan penuh (Rujuk kes: *PP v. Tukiman Demin* [2008] 8 CLJ 856; [2008] 4 MLJ 79; [2008] 2 MLRH 597) dan juga menjadikan ianya tidak mempunyai nilai probatif. (Rujuk kes: *Ganesh Arunasalam Iwn. PP* [2017] 1 LNS 1279 CA; [2017] 6 MLJ 42; [2017] MLRAU 355).

Ingredien milikan

[51] Selanjutnya, bagi pertuduhan kedua untuk kesalahan mengedar 37,883 gram Cannabis, TPR yang terpelajar berhujah bahawa tertuduh mempunyai milikan dadah berbahaya dalam kabinet besi tersebut kerana anak kunci (Eksibit P34A) yang dirampas dari rangkai kunci motorsikal Yamaha tadi boleh digunakan untuk membuka kabinet besi tersebut.

[52] Rumah tidak bernombor yang terletak dalam kawasan rumah yang beralamat di No. 71, Jalan Hamzah itu adalah salah sebuah daripada tiga buah rumah yang terdapat di situ. Selain daripada rumah tidak bernombor itu, terdapat juga sebuah rumah yang disewa oleh seorang pekerja tapak pembinaan warganegara Indonesia bernama Sutejo (SP8) dan sebuah lagi rumah yang dikatakan milik tuan tanah. Rumah yang disewa oleh SP8 itu ialah rumah bernombor 71.

Rumah tidak bernombor dan rumah yang dikatakan milik tuan tanah itu masing-masing terletak di kiri dan kanan rumah No. 71. Ini dapat diperhatikan melalui rajah kasar (Eksibit D38) dan gambar-gambar Eksibit P17(1) hingga (11).

[53]SP8 telah menghuni rumah No. 71, Jalan Hamzah itu sejak tahun 2014 hingga ke tarikh beliau memberi keterangan di Mahkamah ini pada 22.07.2020. Beliau mengenali tertuduh sebagai "Ujang" dan telah mengecamkan tertuduh yang berada dalam kandang salah. Menurut SP8, kadang-kadang tertuduh ada kelihatan datang ke pondok di depan rumahnya tetapi SP8 tidak tahu tujuan kehadiran tertuduh. SP8 juga diberitahu oleh arwah Mazli bahawa tertuduh menyewa rumah di sebelah rumah yang dihuninya itu. Walau bagaimana pun, SP8 sendiri tidak pasti sama ada benar atau tidak tertuduh tinggal di situ dan SP8 tidak pernah melihat tertuduh masuk ke dalam rumah itu. SP8 juga tidak pernah melihat kabinet besi di hadapan rumah itu kerana beliau tidak pernah lalu di situ. Rumah-rumah dalam kawasan alamat No. 71, Jalan Hamzah ini dipagari sekelilingnya. Walau bagaimana pun, menurut SP8 pintu pagar kawasan rumah itu sentiasa terbuka dan tidak pernah bertutup.

[54]Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa tertuduh ialah penyewa rumah tidak bernombor tersebut dan mempunyai milikan eksklusif kabinet besi yang ditemui di luar rumah berdasarkan kunci (Eksibit P34A) yang dirampas dari rangkaian kunci motorsikal Yamaha yang boleh diguna untuk membuka kabinet besi tersebut. Berdasarkan asas-asas ini, TPR yang terpelajar berhujah bahawa tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan dadah berbahaya yang dijumpai dalam kabinet besi itu maka anggapan milikan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah terpakai terhadap tertuduh.

[55]Dalam menilai keterangan-keterangan ini, Mahkamah mendapati tiada keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi menunjukkan tertuduh ialah penyewa rumah tidak bernombor tersebut selain daripada rakaman percakapan arwah Mazli bin Mashud (Eksibit P62). Eksibit P62 itu sendiri tidak mempunyai nilai probatif yang tinggi kerana tidak diuji dalam pemeriksaan balas.

[56]Kehadiran profil DNA tertuduh pada toala dan baju T yang ditemui dalam rumah tidak bernombor itu hanya menunjukkan tertuduh pernah berada dalam rumah itu tetapi tidak mencukupi untuk menunjukkan tertuduh ialah penyewanya. Mahkamah Rayuan dalam kes

Francis Abuchi Odiye v. Public Prosecutor [2015] 1 LNS 928 CA; [2015] MLJU 816 CA; [2015] MLRAU 306; [2015] AMEJ 1302 membuat pengamatan bahawa keterangan profil DNA dan kesan cap jari hanya bersifat keterangan sokongan apabila ingredien-ingredien penting kesalahan seperti kawalan dan jagaan, milikan sebenar dan pengetahuan telah dibuktikan.

[57]Jika sekali pun tertuduh boleh dikatakan sebagai penyewa rumah tidak bernombor itu, kabinet besi yang mengandungi dadah berbahaya tersebut berada di kawasan terbuka di luar rumah dan SP8 mengesahkan pintu pagar kawasan beralamat No. 71, Jalan Hamzah itu sentiasa terbuka dan tidak pernah bertutup. Satu-satunya cebisan keterangan yang mungkin boleh mengaitkan tertuduh dengan dadah berbahaya yang ditemui dalam kabinet besi itu ialah kunci (Eksibit P34A) yang dirampas dari rangkaian kunci motorsikal Yamaha tersebut. Persoalannya, adakah kehadiran kunci (Eksibit P34A) dan kehadiran profil DNA tertuduh dalam rumah tidak bernombor itu mencukupi bagi membuktikan tertuduh mempunyai milikan dadah berbahaya tersebut?

[58]SP8 dalam keterangannya menyatakan pintu pagar kawasan beralamat No. 71, Jalan Hamzah itu sentiasa terbuka dan tidak pernah bertutup. SP8 juga menyatakan beliau tidak pernah nampak kabinet besi itu kerana beliau tidak pernah melalui kawasan itu. SP8 juga ada melihat tertuduh ada datang ke situ kadang-kadang. Ini merupakan sebahagian daripada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sendiri, iaitu melalui SP8 yang berperanan sebagai saksi pendakwaan.

[59]Dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; [1956] 1 MLJ 237; [1956] 1 MLRH 44, Mahkamah merujuk maksud milikan seperti berikut:

"Possession" itself as regards the criminal law is described as follows in Stephen's Digest (9th Edn., p. 304):

"A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need."

[60]Dengan merujuk prinsip dalam kes *Chan Pean Leon* dan kes-kes *Siew Yoke Keong v. PP* [2013] 4 CLJ 149 FC; [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 MLRA 99; [2013] 3 AMR 202, *PP v. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209 FC; [2009] 2 MLJ 194; [2010] 1 MLRA 495; [2010] 3 AMR 477 and *PP v. Abdul Rahman bin Akif* [2007] 4 CLJ 337 FC; [2007] 5 MLJ 1; [2007] 1 MLRA 568; [2007]

4 AMR 269, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ghasem Hozouri Hassan v. PP* [2018] 6 CLJ 133 FC; [2018] MLJU 601; [2018] MLRAU 180; [2018] 4 AMR 857 membuat pengamatan berikut:

"[31] Thus, from the above, when we talk about the issue of custody and control what is crucial is that the accused must be so situated that he can deal with the proscribed drugs as if it belonged to him, and it must be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so (he had *animus possidendi*)."

[61]Melalui gambar kabinet besi itu yang dikemukakan sebagai Eksibit P16(1) hingga (14), Mahkamah ini mengamati bahawa kabinet besi itu adalah kabinet besi yang biasa. Adalah tidak keterlaluan bagi Mahkamah ini membuat inferen munasabah bahawa kabinet besi seumpama ini pada kebiasaannya mempunyai lebih daripada satu anak kunci dan boleh juga kunci pendua dibuat baginya. Sesiapa yang mempunyai kunci kabinet besi ini boleh membukanya dan meletak atau mengambil barang-barang daripadanya termasuklah dadah berbahaya tersebut.

[62]Kabinet besi itu terletak di luar perkarangan rumah No. 71. Tiada sebarang keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan bagi menunjukkan atau mencadangkan suatu fakta bahawa tiada orang lain yang mempunyai akses kepada kabinet besi tersebut walau pun ianya terletak di luar rumah. Fakta bahawa tertuduh didapati mempunyai kunci yang boleh digunakan bagi membuka kabinet besi itu semata-mata tanpa sebarang keterangan lain adalah tidak memadai untuk membuktikan tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan ke atas kabinet besi itu dan seterusnya mempunyai milikan dadah berbahaya yang disimpan dalam kabinet besi itu.

[63]Kesimpulan yang berbeza mungkin boleh dibuat jika terdapat kunci tambahan pada kabinet besi itu dan sifat tersendiri kunci itu menunjukkan hanya tertuduh seorang sahaja yang mempunyai anak kuncinya atau kabinet besi itu terletak dalam kawasan yang hanya boleh diakses oleh tertuduh. Rumusan ini juga adalah sejajar dengan prinsip undang-undang bahawa jika wujud sebarang keraguan, manfaat keraguan itu hendaklah diputuskan secara memihak kepada tertuduh. (Rujuk kes: *Sridhar Arunasalam v. PP* [2009] 6 CLJ 595 CA; [2011] 6 MLJ 129; [2009] 2 MLRA 569).

[64]Berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan, Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa tertuduh mempunyai milikan dadah berbahaya tersebut. Mahkamah mendapati keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan tidak

berupaya menunjukkan tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan bagi membolehkan anggapan milikan di bawah seksyen 37(d) terpakai. Tambahan pula rumah tidak bernombor dalam kawasan rumah No. 71, Jalan Hamzah itu juga tidak mempunyai satu kawasan yang tersendiri. Malah, ia berkongsi halaman dengan beberapa rumah lain di kawasan yang sama dan akses bebas ke kawasan itu tidak dapat dinafikan kerana keterangan pihak pendakwaan sendiri menunjukkan bahawa pintu pagarnya sentiasa terbuka dan tidak pernah bertutup.

Elemen pengetahuan

[65]TPR yang terpelajar bergantung sepenuhnya pada anggapan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah berbahaya 1952 bagi membuktikan pertuduhan kedua ini. Tiada sebarang keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi menunjukkan tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya yang terdapat dalam kabinet besi tersebut. Jika sekali pun boleh diandaikan tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya dalam kabinet besi itu berdasarkan kunci (Eksibit P34A) yang dirampas dari rangkai kunci motorsikal Yamaha tersebut, pembuktian ingredien pengetahuan semata-mata tanpa terlebih dahulu dibuktikan tertuduh memiliki dadah berbahaya tersebut adalah tidak mencukupi bagi Mahkamah ini membuat keputusan wujudnya satu kes *prima facie* bagi pertuduhan kedua.

Ingredien mengedar

[66]Tanpa pembuktian elemen milikan dadah berbahaya tersebut, pihak pendakwaan tidak mempunyai asas untuk membuktikan elemen mengedar. Pihak pendakwaan tidak mengemukakan sebarang keterangan lain bagi membuktikan ingredien mengedar melainkan keterangan yang menunjukkan dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan kedua ini adalah dalam suatu kuantiti yang sangat banyak, iaitu 37,883 gram. Sekiranya ingredien milikan dan elemen pengetahuan dibuktikan, kuantiti dadah berbahaya sebanyak ini adalah mencukupi bagi Mahkamah membuat dapatan secara pertimbangan akal bahawa ianya adalah bagi tujuan pengedaran. (Rujuk kes: *Ong Ah Chuan v. PP* [1980] 1 LNS 181; [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 MLRA 283).

Kesimpulan pertuduhan kedua

[67]Kesimpulannya, bagi pertuduhan kedua, Mahkamah mendapati pendakwaan telah gagal

membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Oleh yang demikian, bagi pertuduhan kedua, tertuduh dengan ini dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.

Kes pembelaan

[68]Setelah diperintah membela diri, tiga pilihan yang tersedia kepada pembelaan telah dibaca dan diterangkan kepada tertuduh. Tertuduh memilih untuk mengemukakan pembelaannya melalui keterangan bersumpah. Selain daripada tertuduh sendiri (SD1), dalam pembelaannya tertuduh telah memanggil dua orang lagi saksi, iaitu Mohd Osman bin Pawan (SD2) dan isteri tertuduh, Noriyah binti Mat (SD3).

Keterangan tertuduh (SD1)

[69]Menurut tertuduh, dia tinggal di Sentul Utama Condominium dan bekerja sebagai pekerja am dan tukang kebun untuk Mazli bin Mashud ("Mazli"). Mazli telah meninggal dunia pada 27.04.2018. Kerja-kerja yang dibuat untuk Mazli ialah kerja menanam pokok dan membersihkan halaman rumah Mazli di No. 71, Jalan Hamzah, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Kerjanya bermula pada jam 9:00 pagi hingga 4:00 petang. Mazli juga ada membeli sebuah motorsikal Yamaha bernombor pendaftaran W 728 V. Motorsikal ini dibeli oleh Mazli bagi tujuan kegunaan tertuduh pergi bekerja dan telah didaftarkan atas nama tertuduh.

[70]Pada tarikh dia ditangkap, tertuduh telah pergi bekerja di rumah Mazli dengan menaiki motorsikal Yamaha tersebut. Semasa bekerja, Mazli ada memberitahu tertuduh dia ingin menggunakan motorsikal itu kerana perlu ke kedai. Tertuduh memberitahu Mazli bahawa kuncinya tercicir dan hilang semasa dia bekerja. Mazli kemudiannya menggunakan kuncinya sendiri dan mengambil motorsikal itu. Menurut tertuduh, Mazli juga ada menyimpan kunci pendua kerana kadang kala dia juga menggunakan motorsikal itu.

[71]Kira-kira jam 3:00 petang, tertuduh bersiap-siap untuk balik. Ketika menghampiri motorsikal Yamaha itu, tertuduh mendapati kunci Mazli berserta anak-anak kunci lain milik Mazli masih berada pada hendal motorsikal. Tertuduh kemudiannya terus sahaja menggunakan motorsikal itu dan menuju ke arah rumah sewa lamanya untuk memeriksa surat.

[72]Sebelum meneruskan perjalanan balik ke Sentul Utama Condominium, tertuduh biasanya akan singgah di rumah No. 28, Jalan Puan, Kampung Baru. Menurut tertuduh, dia pernah

tinggal menyewa di rumah itu sebelum berpindah ke Sentul Utama Condominium dan dia singgah di situ bertujuan untuk memeriksa surat-suratnya, sekiranya ada. Sesampainya di situ, tertuduh meletakkan motorsikalnya di hadapan rumah No. 22, Jalan Puan, Kampung Baru dan berjalan kaki ke rumah No. 28 untuk memeriksa peti surat. Rumah No. 22 itu ialah milik jiran lamanya, SD2.

[73]Setelah memeriksa peti surat di rumah No. 28, Jalan Puan, tertuduh berjalan semula menuju ke motorsikalnya yang terletak di hadapan rumah No. 22. Namun secara tiba-tiba, tertuduh telah diserbu dan ditahan oleh sekumpulan 2 atau 3 orang lelaki yang kemudiannya memperkenalkan diri mereka sebagai polis. Sejurus selepas itu, tertuduh telah dibawa ke hadapan rumah No. 22.

[74]Menurut tertuduh, dia telah dihampiri oleh SP2 dan disoal siasat. Polis juga telah memeriksa badannya dan merampas kunci motorsikal tersebut. Tiada apa-apa barang menyalahi undang-undang yang ditemui pada badannya. Ketika itu, tertuduh nampak seorang anggota polis mengambil satu plastik hitam berdekatan pasu bunga yang terletak dalam kawasan rumah No. 22 dan kemudian menyerahkannya kepada SP2. Tertuduh tidak tahu apa yang ada dalam plastik hitam itu. Semasa disoal siasat oleh SP2, tertuduh nampak SD2 berada berdekatan, iaitu di rumahnya di No. 22. SD2 sedang berdiri di belakang pintu gril di bahagian hadapan rumahnya.

Keterangan Mohd Osman bin Pawan (SD2)

[75]SD2 dalam keterangannya mengesahkan tertuduh pernah tinggal di rumah No. 28, Jalan Puan, Kampung Baru. SD2 juga mengesahkan bahawa tertuduh sering datang memeriksa surat di rumah No. 28 dan akan singgah di rumahnya bertanyakan khabar.

[76]Dalam keterangannya, SD2 mengatakan bahawa pada hari tertuduh ditangkap, pintu rumahnya diketuk oleh 3 orang polis yang tidak beruniform termasuk SP2. Mereka mencari tertuduh. Di hadapan rumahnya di kawasan Jalan Puan, SD2 nampak lebih kurang 6 hingga 8 orang lagi anggota polis yang tidak beruniform. SD2 kemudiannya diminta masuk ke dalam rumahnya dan pihak polis memeriksa kad pengenalan SD2. Menurut SD2, beliau memberitahu polis bahawa tertuduh pernah tinggal di rumah No. 28 dan selalu datang ke rumah lamanya serta singgah di rumah beliau.

[77]Ketika ditahan dalam rumahnya, SD2 terdengar bunyi enjin motorsikal dan beliau keluar menjengah ke pintu rumah untuk melihat. SD2 nampak tertuduh datang dengan menunggang motorsikal dan kemudian meletakkan motorsikal betul-betul di hadapan rumah. SD2 nampak tertuduh turun daripada motorsikalnya dan berjalan menghala ke kiri ke arah rumah No. 28 yang terletak selang beberapa buah rumah daripada rumah SD2.

[78]Ketika itu, SD2 kata beliau nampak motorsikal tertuduh dengan jelas dan mendapati tiada apa-apa dalam raga motorsikal tertuduh. Seterusnya, SD2 nampak tertuduh berjalan dari rumah No. 28 menuju semula ke motorsikalnya dan ketika itu, SD2 nampak 2 atau 3 orang anggota polis menyerbu ke arah tertuduh dan menahannya. Ketika ditahan, tertuduh sedang dalam perjalanan ke arah motorsikalnya. Setelah tertuduh ditahan, 3 orang polis yang berada dalam rumahnya termasuk SP2 juga telah keluar dan pergi ke arah tertuduh. SD2 pula telah keluar ke bahagian hadapan rumah dan meninjau dari dalam pintu gril rumahnya untuk melihat dengan lebih jelas.

[79]Menurut SD2 semasa tertuduh disoal siasat di tempat dia ditangkap, SD2 nampak seorang anggota polis datang dari sebelah kanan hadapan rumah dengan membawa satu plastik hitam dan menyerahkan plastik hitam itu kepada SP2. Melalui perbualan anggota-anggota polis, SD2 mengetahui plastik hitam itu mengandungi dadah.

Keterangan Noriyah binti Mat (SD3)

[80]Isteri tertuduh (SD3) mengesahkan tertuduh bekerja sebagai pekerja am dan tukang kebun untuk Mazli. SD3 juga mengesahkan pada hari ditangkap, tertuduh pergi bekerja di rumah Mazli dengan menaiki motorsikal Yamaha yang diberi oleh Mazli. Walau bagaimana pun, menurut SD3 kunci motorsikal (Eksibit P15) yang ditunjukkan kepadanya di Mahkamah bukanlah kunci yang biasa dibawa oleh tertuduh. SD3 tidak pernah melihat kunci (Eksibit P15) itu. SD3 biasa melihat kunci motorsikal yang dipunyai tertuduh kerana tertuduh biasanya menyangkut kunci itu di almari di rumahnya di Sentul Utama Condominium.

Ringkasan hujah

Hujah pembelaan

[81] Peguam terpelajar berhujah bahawa pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan. Hujah peguam terpelajar boleh dibentangkan secara ringkas seperti berikut:

- (a) tertuduh datang ke Jalan Puan untuk memeriksa surat menyurat di rumah sewaan yang terdahulu, di No. 28 dan tertuduh tiada pengetahuan mengenai plastik hitam mengandungi Cannabis yang dikatakan dijumpai dalam raga motorsikal Yamaha itu,
- (b) tertuduh ditangkap ketika dia sedang berjalan kaki dari rumah No. 28, Jalan Puan menuju ke motorsikalnya yang diparkir di hadapan rumah No. 22 dan bukan ketika menunggang motorsikal itu seperti yang dikemukakan dalam kes pendakwaan,
- (c) keterangan SD2 sebagai penghuni rumah No. 22, yang merupakan saksi mata, dengan nyata memberikan keterangan yang menunjukkan plastik hitam mengandungi Cannabis itu tidak dijumpai dalam raga motorsikal Yamaha yang ditunggangi tertuduh. Sebaliknya, ianya dijumpai oleh pasukan serbuan berhampiran susunan pasu bunga di kawasan tepi rumahnya di No. 22, Jalan Puan, Kampung Baru,
- (d) wujud keraguan mengenai tempat di mana plastik hitam mengandungi Cannabis itu dijumpai,
- (e) pendakwaan tidak mencabar keterangan SD1 bahawa Cannabis itu tidak dijumpai dalam raga motorsikalnya. Oleh yang demikian, keterangan tertuduh bahawa dia sebenarnya tidak ditahan semasa menunggang motorsikal dan plastik hitam mengandungi Cannabis itu tidak dijumpai dalam raga motorsikal adalah boleh dipercayai atau setidaknya telah menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan.

Hujah pendakwaan

[82] TPR yang terpelajar berhujah bahawa pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan tertuduh hendaklah didapati bersalah. Secara ringkasnya, hujah TPR yang terpelajar ialah seperti berikut:

- (a) pembelaan tertuduh bersifat penafian semata-mata. Tertuduh sekadar menafikan keterangan saksi-saksi pendakwaan, khususnya keterangan SP2 dan SP7,

- (b) tiada sebarang alasan yang dicadang atau dikemukakan oleh pembelaan bagi menunjukkan sebarang sebab bagi SP2 dan SP7 untuk menganiayai tertuduh,
- (c) tiada sebarang keterangan yang menunjukkan SP2, SP7 atau mana-mana ahli pasukan serbuan mengenali tertuduh sebelum tertuduh ditangkap sebagai asas untuk mencadangkan tertuduh telah dianiayai,
- (d) keterangan pembelaan bahawa plastik hitam mengandungi Cannabis itu kononnya dijumpai berdekatan pasu bunga yang terletak dalam kawasan rumah No. 22 telah dinafikan oleh SP2 dan SP7 dalam pemeriksaan balas dan ianya tidak dibuktikan oleh tertuduh semasa kes pembelaan. SD2 juga tidak tahu siapakah anggota polis yang dikatakan telah mengambil plastik hitam itu berdekatan pasu bunga,
- (e) SD2 rabun dekat dan bercermin mata. SD2 tidak dapat melihat dengan jelas apa yang dikatakan kononnya berlaku dalam jarak 3 hingga 5 meter dari kedudukannya. Semasa pemeriksaan balas, SD2 menyatakan raga motorsikal Yamaha itu berwarna kelabu ("grey") sedangkan raga itu sebenarnya berwarna hitam,
- (f) pembelaan hanya cuba mengalih milikan Cannabis yang dijumpai dalam raga motorsikal itu kepada Mazli yang telah meninggal dunia pada 27.04.2018 dengan mengatakan motorsikal itu dibeli oleh Mazli tetapi didaftarkan atas nama tertuduh tetapi tiada sebarang bukti yang menunjukkan motorsikal itu sebenarnya dibeli oleh Mazli,
- (g) tertuduh menyatakan dia bekerja untuk Mazli di rumah No. 71, Jalan Hamzah sebagai pekerja am dan tukang kebun tetapi semasa pasukan serbuan membuat serbuan dan pemeriksaan, tiada sebarang peralatan untuk berkebun seperti pisau, parang, cangkul atau penyapu yang dijumpai di situ. Tiada juga sebarang peralatan serupa yang dijumpai pada motorsikal yang ditunggangi tertuduh,
- (h) SD2 biasa melanggan kedai runcit tertuduh dan tertuduh pula sering datang makan di kedai SD2. Oleh yang demikian, SD2 bukan seorang saksi yang boleh dipercayai kerana beliau telah lama mengenali tertuduh sejak tertuduh tinggal menyewa di No. 28 Jalan Puan,
- (i) keterangan SD3 yang kononnya tertuduh menggunakan motorsikal itu sejak bekerja dengan Mazli pada tahun 2018 adalah bertentangan dengan fakta bahawa motorsikal itu telah didaftarkan atas nama tertuduh sejak tahun 2014.

Penilaian keterangan dan dapatan di akhir kes pembelaan

[83]Peruntukan seksyen 182A Kanun Prosedur Jenayah menerangkan tugas Mahkamah di akhir kes, iaitu untuk mempertimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan dan memutuskan sama ada pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. (Rujuk kes *Md. Zainuddin Raujan v Public Prosecutor* [2013] 4 CLJ 21 FC; [2013] 3 MLJ 773 [2013] 3 MLRA 351; [2013] 3 AMR 480).

[84]Dalam kes *PP v. Tan Chai Hing* [2018] 6 CLJ 436 CA; [2018] MLJU 313; [2018] MLRAU 112; [2018] AMEJ 0312, Yang Arif Idrus Harun HMR membuat pengamatan berikut:

"[20] Under s. 182A of the Criminal Procedure Code, it is clearly the duty of the court to consider all the evidence before it and it shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. This is a mandatory requirement as evident by the use of the word 'shall' in that section. What it entails is that, at the end of the defence, it is incumbent on the court to evaluate the entire evidence placed before it including the prosecution evidence. This was exactly what the learned judge had undertaken at the end of the defence case having considered the case of *Jaafar Ali v. PP* [1999] 1 CLJ 410; [1998] 4 MLJ 406 which succinctly stated the following useful guidelines: It follows that in calling upon the accused to enter his defence the court must keep an open mind as to the accuracy of the prosecution evidence until the defence evidence has been tendered. *At the close of the case for the defence and submissions, the court must review the evidence adduced with regard to all the elements to be proved and then decide whether the prosecution has proved the case against the accused beyond reasonable doubt.* (emphasis added)."

[85]Menurut tertuduh semasa dia sedang bekerja di rumah No. 71, Jalan Hamzah, Mazli ada datang dan memberitahu dia ingin menggunakan motorsikal untuk ke kedai. Tertuduh pula kemudiannya memberitahu Mazli bahawa kuncinya tercicir dan hilang lalu Mazli telah menggunakan kuncinya sendiri dan mengambil motorsikal itu.

[86]Tertuduh bersiap-siap untuk balik pada jam kira-kira 3:00 petang. Ketika itu dia mendapati kunci milik Mazli berserta anak- anak kunci lain masih berada pada hendal motorsikal. Lantas, tertuduh terus sahaja menggunakan motorsikal itu dan menuju ke arah rumah sewa lamanya di No. 28 Jalan Puan, Kampung Baru untuk memeriksa surat.

[87]Jika benar semasa mendekati motorsikal itu tertuduh mendapati kunci milik Mazli masih ada pada motorsikal itu dan bersama kunci itu ada juga anak-anak kunci lain milik Mazli, bukankah lebih munasabah untuk tertuduh terlebih dahulu mengembalikan anak-anak kunci itu kepada

Mazli sebelum terus menggunakan motorsikal tersebut atau sekurang-kurangnya memberitahu Mazli terlebih dahulu?

[88] Sama ada anak-anak kunci itu penting untuk kegunaan Mazli atau tidak, hanya Mazli yang dapat menentukannya dan adalah tidak munasabah untuk tertuduh tidak memberitahu Mazli mengenainya terlebih dahulu sebelum beredar pergi dari situ. Tambahan pula, tertuduh sendiri yang mengakui bahawa motorsikal Yamaha itu milik Mazli.

[89] Tertuduh memberitahu Mazli bahawa kuncinya tercicir dan hilang semasa dia bekerja. Jika sekali pun hilang, sudah tentu kunci itu "hilang" di kawasan rumah No. 71, Jalan Hamzah tersebut dan bukannya tercicir di tengah jalan ketika tertuduh masih menunggang motorsikal. Adakah tertuduh membiarkan sahaja tanpa cuba mencari kunci motorsikalnya yang dikatakan hilang? Naratif pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh menunjukkan seolah-olah tertuduh secara bersahaja terus menggunakan kunci motorsikal yang dikatakan kepunyaan Mazli tanpa sebarang cubaan untuk mencarinya terlebih dahulu atau pun menceritakan mengapa tertuduh tidak cuba mencari kuncinya terlebih dahulu atau jika tidak, mengapa dia tidak berbuat demikian.

[90] Dalam keterangannya, tertuduh memberitahu bahawa dia telah meletakkan motorsikal di hadapan rumah SD2 di No. 22 dan berjalan kaki ke rumah No. 28 untuk memeriksa peti surat. Mengapa perlu tertuduh meletak motorsikal di hadapan rumah No. 22 dan berjalan kaki ke rumah sewa lamanya di No. 28 untuk memeriksa surat? Bukankah lebih mudah dan cepat bagi tertuduh untuk terus meletak motorsikal itu di hadapan atau setidaknya-tidaknya berhampiran dengan rumah No. 28? Tiada juga penjelasan daripada tertuduh mengapa motorsikal itu diletakkan di hadapan rumah No. 22 dan tidak dibawa terus ke hadapan atau berhampiran dengan rumah No. 28. Tambahan pula, motorsikal adalah mudah untuk diolah pergerakannya berbanding dengan kereta.

[91] Tertuduh menyatakan dalam keterangannya bahawa dia telah disoal siasat oleh SP2 di tempat kejadian dan ketika itu, tertuduh nampak seorang anggota polis mengambil satu plastik hitam berdekatan pasu bunga yang terletak dalam kawasan rumah No. 22 dan kemudian menyerahkannya kepada SP2.

[92]Jika benar ketika tertuduh disoal siasat oleh SP2, seorang anggota serbuan telah menyerahkan kepada SP2 satu plastik hitam yang kononnya ditemui berdekatan pasu bunga yang terletak dalam kawasan rumah No. 22, sudah tentu ketika itu SP2 akan bertanyakan kepada tertuduh mengenai plastik hitam itu. Sudah pasti juga SP2 akan menunjukkannya kepada tertuduh yang ketika itu sedang disoal siasat.

[93]Namun ini bukanlah sebahagian daripada naratif pembelaan yang diketengahkan oleh tertuduh. Tiada juga sebarang penjelasan yang munasabah yang boleh menerangkan mengapa tindakan sedemikian tidak dilakukan oleh SP2 jika benar plastik hitam mengandungi Cannabis itu telah diserahkan oleh salah seorang anggota serbuan kepada SP2 sedangkan ketika itu tertuduh kononnya sedang disoal siasat oleh SP2.

[94]SD2 dalam keterangannya menyatakan SP2 bersama- sama 2 orang lagi anggota polis yang tidak beruniform telah masuk ke rumahnya mencari tertuduh. Tertuduh dikatakan pernah menyewa rumah No. 28 dan bukan rumah No. 22 di Jalan Puan. Jadi mengapa pula pasukan serbuan, yang melakukan serbuan itu berdasarkan maklumat, mencari tertuduh di rumah No. 22 seperti yang dikatakan oleh SD2? Hal keadaan ini tidak pula ditangani dalam kes pembelaan.

[95]SD2 juga dalam keterangannya menyatakan semasa dia ditahan oleh pihak polis di rumahnya, terdapat anggaran 6 hingga 8 orang anggota polis di hadapan rumahnya di kawasan Jalan Puan. Ketika berada dalam rumah, beliau terdengar enjin motorsikal dan nampak tertuduh datang dan memarkir motorsikalnya betul-betul di hadapan rumahnya di No. 22. Jika fakta ini benar, sudah tentu tertuduh telah terlebih dahulu ditahan oleh anggota polis seramai 6 hingga 8 orang itu sebelum sempat dia pergi ke rumah No. 28 untuk kononnya memeriksa surat menyuratnya. Keadaan ini menyebabkan Mahkamah perlu berhati-hati dalam menilai keterangan SD2.

[96]SD3 menyokong keterangan tertuduh dengan mengatakan motorsikal Yamaha itu dibeli oleh Mazli untuk kegunaan tertuduh bekerja. Menurut rekod maklumat terperinci kenderaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (Eksibit P63), motorsikal Yamaha itu didaftarkan atas nama tertuduh dan tarikh pendaftarannya ialah pada 31.03.2014. Keterangan SD3 pula menyatakan beliau dan tertuduh pernah menetap di rumah No. 28 Jalan Puan, Kampung Baru

dari tahun 2007 hingga 2015 sebelum berpindah ke Sentul Utama Condominium. Tertuduh pula mula bekerja sebagai pekerja am dan tukang kebun untuk Mazli di rumah No. 71, Jalan Hamzah, Kampung Baru sejak tahun 2018.

[97]Motosikal Yamaha itu telah didaftarkan pada 31.03.2014. Pada ketika itu, tertuduh masih tinggal di rumah No. 28, Jalan Puan, Kampung Baru. Jika benar Mazli membeli motosikal itu untuk kegunaan tertuduh bekerja di rumah No. 71, Jalan Hamzah, sudah pasti ia hanya akan dibeli sekitar tahun 2018 dan bukan 4 tahun lebih awal pada tahun 2014. Tambahan pula, pembelaan tidak mencadang atau menggarapkan sebarang alasan munasabah untuk seseorang membeli motosikal untuk orang yang digajinya semata-mata bagi kemudahannya bekerja. Walau apa pun, ketuanpunyaan motosikal Yamaha itu bukanlah isu kerana bukanlah kes pembelaan bahawa Cannabis yang dijumpai dalam raga motosikal itu adalah kepunyaan Mazli yang sebaik sahaja sebelum tertuduh ditangkap, telah menggunakan motosikal itu.

[98]SD3 menyatakan beliau tidak pernah melihat kunci (Eksibit P15) motosikal itu. Jika benar seperti kata SD3 bahawa kunci motosikal yang dirampas itu bukanlah kunci yang biasa digunakan oleh suaminya, apakah yang menyebabkan SD3 membuat kesimpulan demikian? Pada lazimnya, kunci motosikal adalah sama dan tidak boleh dibezakan di antara kunci utama dan kunci pendua. Jadi, apakah yang menyebabkan SD3 mengatakan kunci yang ditunjukkan kepadanya itu bukanlah kunci milik tertuduh? Tiada sebarang penjelasan yang diberi oleh SD3 dalam hal ini.

[99]Tugas Mahkamah untuk mempertimbangkan pembelaan adalah jelas. Walau sekali pun pembelaan yang dikemukakan adalah lemah, Mahkamah bertanggungjawab untuk member pertimbangan sewajarnya bagi menentukan sama ada pembelaan sedemikian mampu menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Dalam kes *Ganapathy Rengasamy v. Public Prosecutor* [1998] 2 CLJ 1 FC, Mahkamah Persekutuan membuat pengamatan berikut:

"It needs to be remembered that however weak a defence may be, trial judges being judges of both fact and law should not just brush aside the defence on the basis that the prosecution witnesses are to be believed and not the defence. Where the law casts the onus of giving an explanation upon an accused person, and the explanation is given, which if consistent with innocence, the court is duty bound to consider whether it might reasonably be true, although not convinced of its truth. On the issue of the court's duty to consider the defence, the age old decision in *Mat v. PP* [1963] MLJ 263 is still good law today as it was then. This was followed by the Supreme Court in *Mohamad Radhi b. Yaakob v. PP* [1991] 3 MLJ 169."

[100]Keterangan kes pembelaan adalah nyata bersifat bertentangan dan menongkah naratif kes pendakwaan. Secara khususnya, keterangan kes pendakwaan menjurus kepada penemuan plastik hitam berisi 488 gram Cannabis itu dalam raga motorsikal Yamaha yang ditunggangi tertuduh sedangkan keterangan pembelaan mengatakan plastik hitam itu dijumpai berhampiran pasu di perkarangan kawasan rumah No. 22, Jalan Puan, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

[101]Dalam kes *Wan Amirul Mubin bin Wan Kamaruddin v. Public Prosecutor (supra.)*, Mahkamah Rayuan telah membuat pengamatan berikut mengenai pasukan polis yang menjalankan tugas:

"It is unthinkable that PW4 had fabricated evidence in view of the complete absence of any evidence or allegation by the appellant that PW4 had made up a story regarding Exhibit P30. In fact, the appellant admitted during cross- examination that PW4, PW5 as well as PW7 had absolutely no reasons to lie about him. PW4 and PW5 were police officers who were merely performing their duties and they had no reasons to lie or to frame up the appellant whom they said they did not know.

[30] It is significant to bear in mind that since both PW4 and PW5, were merely carrying on their official duties at the relevant time, in law the court is entitled to presume that their official acts were regularly performed and prima facie they did so honestly and conscientiously. Section 114 illustration (e) of the Evidence Act 1950 in this regard provides that the court may presume that judicial and official acts have been regularly performed. In the case of *PP v Dato' Seri Anwar Ibrahim* [2014] 4 CLJ 162, the Court of Appeal said -

"It must be borne in mind that s. 114 illustration (e) of the Evidence Act 1950 provides that the court may presume that judicial and official acts have been regularly performed. In State of Punjab v. Rameshwar Dass [1957] Cri LJ 1630, the Punjab & Haryana Court held at p. 1631 as follows:

It is well settled that *prima facie* the public servants must be assumed to act honestly and conscientiously. It would, therefore, be basically wrong, without other cogent ground to consider them as untrustworthy witness in respect of their activities in performance of their official duties merely because of their official status unless the evidence is considered to be suspicious and that the conviction of the accused cannot be sustained on the statements of the official witnesses. The presumption that a person acts honestly applied as much in favour of a police officer as of other persons, and it is not a judicial approach to distrust and suspect him without good grounds?

[31] Accordingly, without cogent reasons that would allow us to hold otherwise, it would be manifestly wrong to consider PW4 and PW5 as untrustworthy witnesses in handling this case. In the end what we have before us is nothing more than the bare oral testimony which was a mere denial."

(Rujuk juga kes *PP v. Mohamed Ali* [1962] 1 LNS 129; [1962] MLJ 257; [1962] 1 MLRH 79).

[102] Apabila pembelaan mengemukakan naratif yang bertentangan dan menongkah naratif kes pendakwaan, pada hakikatnya, pembelaan mengutarakan gagasan yang menunjukkan saksi-saksi pendakwaan tidak berkata benar dan telah menganiayai tertuduh melalui keterangan mereka.

[103] Tanpa sebarang keterangan yang boleh dipercayai bagi menunjukkan wujudnya sebarang hasad atau dendam terhadap tertuduh hingga sanggup memberikan keterangan palsu yang boleh mengakibatkan tertuduh dihukum mati atau penjara seumur hidup, Mahkamah ini tidak mempunyai sebarang justifikasi untuk membuat dapatan bahawa saksi-saksi pendakwaan telah mereka-reka atau membunga-bungai keterangan semata-mata untuk menganiayai tertuduh.

[104] Bukan seorang atau dua orang pegawai dan anggota polis dalam pasukan serbuan yang diketuai SP2 tetapi terdapat 10 orang lagi anggota polis. Adakah kesemua mereka menyimpan sebarang hasad atau dendam terhadap tertuduh hingga sanggup memberikan keterangan palsu yang boleh mengakibatkan tertuduh dihukum mati atau penjara seumur hidup?

[105] Dalam kes *Dickson Levy Maria George v. PP* [2018] 1 LNS 135 CA; [2018] MLJU 98 CA; [2018] MLRAU 49, perayu menghadapi pertuduhan mengedar 14,517 gram Cannabis di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Perayu telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Tinggi. Dalam rayuan di Mahkamah Rayuan, perayu menghujahkan bahawa dalam pembelaannya perayu menyatakan 2 beg mengandungi dadah berbahaya yang dirampas oleh pasukan serbuan di Stesen Bas Larkin, Johor Bahru itu bukan kepunyaan perayu. Sebaliknya 2 beg itu adalah kepunyaan seorang penumpang lain yang menaiki bas yang sama dengan perayu, iaitu Abdul Aziz a/l Jamal. Menurut perayu, dia tidak pernah membawa 2 beg ini dan pihak polis hanya menganiayainya sahaja. Mahkamah Rayuan menolak hujah ini dan mengesahkan sabitan Mahkamah Tinggi. Dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan, Yang Arif Mohd Zawawi Salleh HMR (sekarang HMP) memutuskan, antara lain, seperti berikut:

"[47] Also, there was no rhyme nor reason for the police officers in this case to frame up the appellant with the impugned drugs, as they were just performing their duty. (See the cases of *Mohd Ali Jaafar v. PP* [1998] 4 CLJ Supp 208 and *Goh Han Heng v. PP* [2003] SGHC 226 ; [2003] 4 SLR 374.

[48] In *Goh Han Heng v. Public Prosecutor (supra)*, Yong Pung How CJ (Singapore) had this to say -

"I disagreed with counsel. All that the passage means is that where the accused can show that the complainant has a motive to falsely implicate him, then the burden must fall on the prosecution to disprove that motive. This does not mean that the accused merely needs to allege that the complainant has a motive to falsely implicate him. Instead, the accused must adduce sufficient evidence of this motive so as to raise a reasonable doubt in the prosecution's case. Only then would the burden of proof shift to the prosecution to prove that there was no such motive. To hold otherwise would mean that the prosecution would have the burden of proving a lack of motive to falsely implicate the accused in literally every case, thereby practically instilling a lack of such a motive as a constituent element of every offence."

[49] The appellant failed to demonstrate to us any evidence to show that the police had harboured a motive to falsely implicate the appellant."

[106] Dalam kes di hadapan Mahkamah ini, menurut naratif kes pendakwaan plastik hitam yang disyakki dadah berbahaya itu ditemui dalam raga motorsikal yang ditunggangi oleh tertuduh. Tertuduh pula ditahan ketika dia sedang menunggang motorsikal itu. Jika pembelaan mencabar naratif ini secara khusus, adalah penting untuk pembelaan menunjukkan anggota pasukan serbuan itu menyimpan hasad atau dendam terhadap tertuduh hingga mereka sanggup untuk memberikan keterangan aniaya terhadap tertuduh.

[107] Di akhir kes pendakwaan, Mahkamah ini telah memutuskan bahawa saksi-saksi Polis Diraja Malaysia yang melakukan serbuan dan tangkapan dalam kes ini hendaklah dianggap sebagai saksi-saksi yang boleh dipercayai melainkan terdapat keterangan meyakinkan untuk menunjukkan sebaliknya. Mahkamah ini berpendapat pendekatan sedemikian adalah penting bagi memperkukuh gagasan bahawa setiap agensi Kerajaan, termasuklah badan penguat kuasa, melaksanakan fungsi dan menjalankan tugas masing-masing dengan dedikasi dan beramanah.

[108] Natijahnya, dalam konteks kes ini, keterangan seseorang anggota atau pegawai penguat kuasa tidak boleh sewenang-wenangnya diragui melainkan terdapat keterangan yang menunjukkan saksi ini merupakan seorang saksi yang tidak boleh dipercayai atau terdapat keterangan yang menunjukkan beliau mempunyai hasad atau dendam terhadap tertuduh sehingga sanggup memberikan keterangan aniaya terhadapnya, apatah lagi dalam kes yang melibatkan hukuman mati atau penjara seumur hidup. Semasa hujah lisan, pembelaan juga bersetuju bahawa cadangan tertuduh telah dianiayai tidak pernah dibangkitkan semasa saksi-saksi pendakwaan diperiksa balas. *Sama ada tertuduh berjaya mematahkan anggapan mengedar di bawah seksyen 37(da)(vi) ADB 1952*

[109] Dalam kes *Amri Ibrahim & Anor v. PP* [2017] 1 CLJ 617 FC; [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 MLRA 169, Yang Arif Hasan Lah HMP menitip peringatan berikut:

"[54] At the end of a trial, s. 182A of the Criminal Procedure Code imposes a duty on a trial court to consider all the evidence adduced before it and to decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

[55] Whenever a criminal case is decided on the basis of the truth of the prosecution's case as against the falsity of the defence story, a trial judge must in accordance with the principle laid down in *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263 go one step further before convicting an accused by giving due consideration as to why the

defence story, though could not be believed, did not raise any reasonable doubt in the prosecution case (see *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311; [1991] 3 MLJ 169).".

[110]Selanjutnya, dalam kes *Ghasem Hozouri Hassan v. PP* [2018] 6 CLJ 133 FC; [2018] MLJU 601; [2018] MLRAU 180; [2018] 4 AMR 857, Yang Amat Arif Md Raus Sharif KHN menerangkan seperti berikut:

"[62] Guided by the *dicta* of the then Supreme Court in *Mohamed Radhi*, it is clear to us that unless the evidence in a particular case does not obviously so warrant, it is incumbent for the court to consider whether on a balance of probabilities on the evidence the defence has rebutted the statutory presumption of trafficking under s. 37(*da*) of the DDA as a separate exercise even though the court is satisfied on a balance that the presumption of possession under s. 37(*d*) of the DDA has not been rebutted. This is basically the gist of what the then Supreme Court had meant when it was referring to a separate exercise. In the final analysis, the Supreme Court held that the failure to do so on the part of the trial judge was a material misdirection and was fatal to the conviction. The *dicta*, postulated in *Mohamed Radhi*, which is now known as the Radhi direction is sort of a direction the trial judge administers unto himself when the accused person invokes the defence which demonstrates the presence of another person at the scene of the crime who is the trafficker as opposed to the accused person who is entirely innocent. Based on the said direction it is incumbent on the learned trial judge at the end of the defence case, to examine whether even though the court is not satisfied with the defence story, to ask whether in spite of this, whether the defence story casts a reasonable doubt on the prosecution's case. This principle is concomitant to the principle laid down in *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263."

[111]Sub perenggan (vi) bagi seksyen 37(*da*) Akta tersebut memperuntukkan pemaknaan anggapan mengedar jika seseorang didapati memiliki Cannabis seberat 200 gram atau lebih. Anggapan ini ialah anggapan boleh dipatahkan dan pembuktiannya ialah pada tahapimbangan kebarangkalian.

[112]Semasa tertuduh dipanggil membela diri, Mahkamah ini telah membuat dapatan bahawa ingredien mengedar telah berjaya dibuktikan oleh pendakwaan dengan menggunakan anggapan di bawah seksyen 37(*da*)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 setelah pendakwaan berjaya membuktikan tertuduh mempunyai milikan Cannabis seberat 488 gram yang menjadi subjek pertuduhan. Oleh yang demikian, pembelaan adalah berkewajipan di sisi undang-undang untuk mengemukakan keterangan yang berupaya, berdasarkanimbangan kebarangkalian, untuk mematahkan anggapan ini.

[113]Dalam mempertimbangkan pembelaan yang diketengahkan oleh tertuduh seperti yang telah dihuraikan, Mahkamah ini mendapati tiada sebarang keterangan yang dikemukakan bagi mematahkan, pada tahapimbangan kebarangkalian, anggapan mengedar yang telah digunakan terhadap tertuduh. Oleh yang demikian, Mahkamah ini mendapati tertuduh telah gagal mematahkan anggapan mengedar.

Kesimpulan

[114]Setelah menilai keterangan kes pembelaan dan mempertimbangkannya terhadap keterangan kes pendakwaan, Mahkamah ini mendapati tertuduh telah gagal menimbulkan

keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan gagal mematahkan anggapan mengedar di bawah seksyen 37(*da*)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952. Mahkamah ini juga mendapati pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah.

[115]Berasaskan alasan-alasan yang dihuraikan, Mahkamah dengan ini mendapati tertuduh bersalah bagi pertuduhan mengedar 488 gram Cannabis seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan. Oleh yang demikian, Mahkamah mensabitkan tertuduh dengan kesalahan mengedar Cannabis seberat 488 gram di bawah seksyen 39B(1)(*a*) Akta Dadah Berbahaya 1952 seperti pertuduhan pertama.

Hukuman

[116]Melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 [*Akta A1558*], seksyen 39B(2) telah dipinda dengan memasukkan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 15 sebatan. Melalui pindaan ini, subseksyen- subseksyen (2A) dan (2B) yang baru juga telah dimasukkan.

Pindaan subseksyen-subseksyen (2), (2A) dan (2B) dalam seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan seperti berikut:

"Trafficking in dangerous drugs

39B. (2) Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence against this Act and shall be punished on conviction with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, be punished with whipping of not less than fifteen strokes.

(2A) In exercising the power conferred by subsection (2), the Court in imposing the sentence of imprisonment for life and whipping of not less than fifteen strokes, may have regard only to the following circumstances:

- (a) there was no evidence of buying and selling of a dangerous drug at the time when the person convicted was arrested;
- (b) there was no involvement of agent provocateur; or
- (c) the involvement of the person convicted is restricted to transporting, carrying, sending or delivering a dangerous drug; and
- (d) that the person convicted has assisted an enforcement agency in disrupting drug trafficking activities within or outside Malaysia.

(2B) For the purposes of subsection (2A), "enforcement agency" means -

- (a) the Royal Malaysia Police;
- (b) the National Anti-Drugs Agency;
- (c) the Royal Malaysian Customs Department;
- (d) the Malaysian Maritime Enforcement Agency; or
- (e) any other enforcement agency as may be determined by the Minister."

[117]Tertuduh telah melakukan kesalahan seperti pertuduhan pada 08.03.2018. Menurut seksyen 1(2) Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017, pindaan ini berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Melalui pemberitahuan yang diwartakan di bawah P.U.(B) 127/2018 bertarikh 29.12.2017, pindaan ini berkuat kuasa pada 15.03.2018.

[118]Peruntukan peralihan dalam seksyen 3(2) Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 menyatakan bahawa mana-mana prosiding terhadap orang yang telah dituduh, sama ada perbicaraan baginya telah bermula atau tidak atau sama ada perbicaraan telah selesai dan masih belum disabitkan di bawah seksyen 39B oleh Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa sebelum tarikh ditetapkan hendaklah, pada tarikh ditetapkan, dikendali dan diteruskan menurut peruntukan seperti yang dipinda.

Seksyen 3 Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 memperuntukkan seperti berikut:

"Transitional

3.

- (1) In this section, "appointed date" means the date appointed under subsection 1(2) of this Act.
- (2) Any proceedings against any person who has been charged, whether or not trial has commenced or has been completed, and has not been convicted under section 39B of the principal Act by a competent Court before the appointed date, shall on the appointed date be dealt with by the competent Court and be continued under the provisions of the principal Act as amended by this Act."

[119]Berdasarkan peruntukan peralihan ini, Mahkamah mendapati pindaan subseksyen (2), (2A) dan (2B) bagi seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 melalui Akta Dadah Berbahaya

(Pindaan) 2017 adalah terpakai dalam kes di hadapan Mahkamah kerana walau pun tertuduh melakukan kesalahan sebelum tarikh ditetapkan, tertuduh hanya disabitkan pada 01.04.2021, iaitu selepas tarikh ditetapkan (15.03.2018).

[120]Pindaan seksyen 39B(2) ini memberi Mahkamah kuasa budi bicara untuk menjatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup bagi kesalahan di bawah seksyen 39B(1). Bagi membolehkan Mahkamah melaksanakan kuasa budi bicara melalui pindaan ini, seksyen 39B(2A) memperuntukkan syarat- syarat yang perlu dipenuhi, iaitu keperluan untuk mengambil kira salah satu hal keadaan yang dinyatakan di perenggan- perenggan (a), (b) atau (c) dan hal keadaan di perenggan (d).

[121]Tafsiran ini telah diputuskan dalam kes *Mohd Saifuddin Ab Rahman v. PP & Another Appeal* [2021] 1 CLJ 343 CA; [2021] 2 MLJ 629; [2020] MLRAU 285; [2020] AMEJ 1285. Dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan, Yang Arif Nordin Hassan HMR memutuskan, antara lain, seperti berikut:

"(5) Section 39B(2) of the DDA conferred the discretion to the trial judge to sentence an accused convicted under s. 39B(1) of the DDA, as in the present case, with death or imprisonment for life. However, the discretion under s. 39B(2) of the DDA is subject to the circumstances laid down under s. 39B(2A) of the DDA. Paragraphs (a), (b), or (c) of s. 39B(2A) are to be read disjunctively and each of the paragraphs is to be read conjunctively with para. (d).....".

[122]Dalam kes di hadapan Mahkamah ini, keterangan kes menunjukkan tertuduh mempunyai milikan sebenar secara fizikal dadah berbahaya yang menjadi subjek pertuduhan. Walau pun seksyen 39B(2A) menghendaki Mahkamah mengambil kira salah satu hal keadaan di perenggan-perenggan (a), (b) atau (c), Mahkamah ini mendapati ketiga-tiga hal keadaan itu wujud seperti yang diujahkan oleh peguam bela yang terpelajar. Namun tiada sebarang asas atau keterangan bagi menunjukkan wujudnya hal keadaan di perenggan (d).

[123]Dalam keadaan ini, tiada justifikasi undang-undang untuk Mahkamah melaksanakan kuasa budi bicara yang diperuntukkan di bawah seksyen 39B(2) apabila dibaca bersama seksyen 39B(2A). Oleh yang demikian, Mahkamah dengan ini menjatuhkan hukuman mati terhadap tertuduh dengan digantung lehernya sehingga mati.